

KEPERCAYAAN DALAM KOMUNITI SEBAGAI FAKTOR DALAM MELESTARIKAN BUDAYA KPP DI SEKOLAH

Haswani Dzul

haswanidzul@gmail.com

Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya

Zaharah Hussin

zaharah@um.edu.my

Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya

Abdul Muhsien Sulaiman

muhsin.sulaiman@um.edu.my

Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya

Abstrak

Pelaksanaan Komuniti Pembelajaran Profesional (KPP) yang efektif di sekolah bukanlah suatu perkara yang mudah, malah memerlukan usaha yang jitu daripada pelbagai pihak. Justeru, faktor kepercayaan dalam komuniti sekolah dilihat berpotensi menjadi faktor penting untuk melestarikan KPP dan membina budaya yang positif di sekolah. Namun, faktor ini masih kurang dikaji secara mendalam dan jarang diterokai dalam literatur. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk meneroka faktor kepercayaan dari aspek definisi, elemen-elemen, konsep dari perspektif Islam, sumber-sumber serta peranannya dalam melestarikan budaya KPP di sekolah. Bagi merealisasikan tujuan tersebut, kaedah kajian kepustakaan digunakan dalam kajian ini. Hasil dapatan menunjukkan faktor kepercayaan antara pentadbir, rakan sekerja, murid, dan ibu bapa dapat membina komuniti sekolah yang saling hormat-menghormati, bersangka baik, dan bersikap terbuka. Kesimpulannya, kepercayaan yang tinggi dalam komuniti, dapat menyokong perjalanan KPP di sekolah menjadi lebih efektif dan efisien. Dapatan kajian ini memberi implikasi terhadap kepentingan faktor kepercayaan untuk diterapkan di sekolah kerana peranannya terhadap hubungan kolaboratif dan perkongsian amalan guru dalam KPP.

Kata kunci: Kepercayaan; Komuniti Pembelajaran Profesional

TRUST IN COMMUNITY AS A FACTOR IN SUSTAINING THE PLC CULTURE IN SCHOOLS

Abstract

The effective implementation of Professional Learning Community in schools is not an easy task, but it requires a concerted effort from various parties. Thus, the trust factor in the school community is seen to have the potential to be an important factor in sustaining the PLC and build a positive culture in the school. However, this factor is very few studied in depth and is rarely explored in the literature. Therefore, this study aims to explore the trust factors in term of its definition, elements, the concept from an Islamic perspective, the faces of trust, and its role in sustaining the PLC culture in schools. To achieve that purpose, library research method was used in this study. The results show that the trust factor between principal, colleagues, students, and parents can build a school community that is mutually respectful, considerate, and open-minded. In conclusion, a greater trust in community can support the development of PLC in schools to be more effective and efficient. The findings of this study have implications on the importance of trust factors to be applied in schools because of its role on the collaborative relationship and deprivatized practice of teachers in PLC.

Keywords: *Trust; Professional Learning Community*

PENDAHULUAN

Komuniti Pembelajaran Profesional (KPP) merupakan trend dalam meningkatkan profesionalisme guru di negara-negara maju sejak dahulu lagi. Kajian-kajian berkaitan KPP banyak dibincangkan oleh para sarjana berikutan impaknya yang positif kepada amalan pengajaran guru dan pencapaian murid dalam bilik darjah (Lomos et al., 2011; Vescio et al., 2008). Dalam konteks Malaysia juga, KPP dilihat mampu menjadi platform kepada budaya perkongsian ilmu antara guru melalui pencerapan rakan sekerja, memberi peluang kepada guru novis dan guru bukan opsyen untuk memperbaiki mutu pedagogi mereka, serta membina keyakinan diri untuk menyampaikan pembelajaran dengan lebih berkesan (Dima Mazlina@Siti Aishah Abu Bakar & Abdul Rashid Jamia, 2016; Sujirah Ibrahim & Zuraidah Abdullah, 2014; Voelkel & Chrispeels, 2017). Justeru, melalui Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2013-2025), Kementerian Pendidikan Malaysia berhasrat untuk meningkatkan lagi peratusan penglibatan guru dalam pembangunan profesional secara berasaskan sekolah seperti pemerhatian rakan sekerja dan perancangan mengajar (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2013).

Namun, untuk melestarikan budaya KPP di sekolah adalah sesuatu yang kompleks serta memerlukan usaha yang tekad dan budaya sekolah yang positif (Hipp et al., 2008). Usaha yang lemah akan menyebabkan kegagalan untuk mencapai hasil seperti yang diharapkan (Gray et al., 2016). Kajian-kajian lepas menunjukkan terdapat beberapa faktor yang menjadi pemangkin kepada pelaksanaan KPP yang efektif. Antaranya ialah faktor kepimpinan (Hipp et al., 2008; Sujirah Ibrahim & Zuraidah Abdullah, 2014; Thoonen et al., 2011; Vanblaere & Devos, 2016; Wan Noor Adzmin Mohd Sabri & Suria Baba, 2017), faktor keupayaan struktur sekolah, dan faktor penekanan terhadap akademik (Gray et al., 2016).

Dapatan kajian Bryk et al. (1999); Bryk dan Schneider (2003); Lee et al. (2011); Wahlstrom dan Louis (2008) pula menemukan faktor kepercayaan dalam komuniti sekolah sebagai penyumbang kepada pembangunan pembelajaran profesional. Walau bagaimanapun, kebanyakan kajian empirikal tentang KPP kurang melihat hubungan dengan pemboleh ubah di peringkat sekolah (Lee et al., 2011; Salleh Hairon et al., 2015) seperti kepercayaan. Faktor kepercayaan juga kurang dikaji secara mendalam (Forsyth et al., 2011; Wahlstrom & Louis, 2008) dan jarang diterokai dalam literatur (Yin et al., 2013). Di Malaysia pula, kajian berkaitan kepercayaan dalam komuniti sekolah dilihat sangat terhad dan lebih berfokus kepada kepercayaan terhadap pentadbir sahaja (Jumadi Musa et al., 2020; Ling Ying Leh, 2016) serta melihat hubungan dengan pemboleh ubah yang lain (Choong Yuen Onn et al., 2018). Justeru, artikel ini akan membincangkan tentang faktor kepercayaan yang dilihat berpotensi dalam membantu untuk melestarikan budaya KPP di sekolah sebagaimana yang dihasratkan oleh KPM.

DEFINISI DAN ELEMEN KEPERCAYAAN

Para sarjana bersetuju bahawa kepercayaan tiada definisi yang khusus kerana sifatnya yang kompleks. Para pengkaji memberikan definisi berdasarkan pelbagai dimensi tentang hubungan kepercayaan (Tarter et al., 1989; Tschannen-Moran & Hoy, 1998) serta mengikut konteks seperti falsafah, ekonomi, individu, dan organisasi (Choong Yuen Onn et al., 2018). Kepercayaan dapat dilihat berdasarkan tingkah laku, komunikasi, perkataan, janji, kenyataan secara lisan atau bertulis seseorang individu atau kumpulan (Tschannen-Moran & Hoy, 1998). Definisi kepercayaan adalah berdasarkan anggapan dan keyakinan bahawa seseorang individu atau kumpulan akan melakukan yang terbaik kepada pihak yang lain (Hoy et al., 2006; Hoy & Tschannen-Moran, 1999).

Hoy dan Tschannen-Moran (1999) mendefinisikan kepercayaan adalah tingkah laku, sikap, dan kesanggupan seseorang individu atau kumpulan untuk mengambil risiko dengan meletakkan keyakinan bahawa individu yang lain adalah bersifat suka membuat kebajikan, boleh dipercayai, cekap, jujur, dan terbuka. Berdasarkan definisi yang diberikan ini, Hoy dan Tschannen-Moran (1999); Hoy dan Tschannen-Moran (2003); Hoy et al. (2006) meletakkan lima elemen sebagai asas kepercayaan.

(a) Kebajikan

Merupakan elemen yang paling asas dalam kepercayaan. Meyakini bahawa kesejahteraan dirinya akan dilindungi atau dijaga kebajikannya oleh individu atau kumpulan yang boleh dipercayai. Individu yang boleh dipercayai dijangka akan bertingkah laku secara positif dan konsisten (Goddard et al., 2001). Menganggap individu yang lain juga akan bertindak atau melakukan yang terbaik terhadap dirinya. Kepercayaan menjadi jaminan bahawa individu lain tidak akan mengeksploitasi dan mengambil kesempatan terhadap dirinya walaupun mempunyai peluang berbuat demikian.

Kewujudan keadaan yang saling bergantung ini, menjadikan kepercayaan kepada individu lain adalah penting. Sebagai contoh, ibu bapa yang meletakkan kepercayaan kepada guru, akan meyakini bahawa guru tersebut akan melakukan yang terbaik kepada anaknya, diberikan keadilan, dan kasih sayang. Tetapi jika guru yang tidak dipercayai muridnya, mereka akan sentiasa fokus kepada salah laku muridnya. Justeru, elemen kebajikan ini sangat penting dalam hubungan kepercayaan.

(b) Kebolehpercayaan

Merupakan gabungan daripada rasa keprihatinan dan kebajikan. Sejauh mana seseorang itu bergantung antara satu sama lain untuk mendapatkan apa yang diperlukan. Seseorang itu mungkin memerlukan sesuatu yang nyata seperti bahan mentah daripada pembekal atau mungkin sesuatu yang tidak nyata seperti kesediaan untuk didengari. Kebanyakan interaksi tidak berlaku serentak tetapi berlaku sepanjang masa. Kebolehpercayaan menunjukkan bahawa seseorang yakin bahawa keperluannya akan dipenuhi dengan cara yang positif serta dapat memberi manfaat kepada pihak lain juga (Hoy et al., 2006; Hoy & Tschannen-Moran, 1999).

(c) Kecekapan

Keupayaan untuk melaksanakan sesuatu berdasarkan standard yang ditetapkan. Seseorang individu bergantung kepada kecekapan dan kemahiran individu lain untuk memenuhi keperluannya. Seseorang individu itu tidak akan dipercayai jika tidak mempunyai kemahiran untuk melaksanakan tugasnya (Goddard et al., 2001). Sebagai contoh di sekolah, pentadbir dan guru saling bergantung antara satu sama lain untuk mencapai matlamat pendidikan. Murid bergantung kepada kompetensi guru mereka. Murid mungkin percaya bahawa gurunya akan membantunya belajar, namun jika guru tersebut kurang pengetahuan dan kemahiran maka kepercayaan tersebut akan berkurangan. Justeru, kepercayaan dalam sesebuah komuniti itu disertai juga dengan kecekapan.

(d) Kejujuran

Merujuk kepada karakter individu, integriti, dan kebolehpercayaan. Menganggap perkataan, janji, kenyataan secara lisan atau bertulis daripada individu atau kumpulan lain boleh dipercayai. Rasa bertanggungjawab ke atas tindakan sendiri serta tidak memutarbelitkan kebenaran dan meletakkan kesalahan pada pihak lain (Hoy et al., 2006; Hoy & Tschannen-Moran, 1999).

(e) Keterbukaan

Meletakkan diri sendiri ke dalam risiko apabila berkongsi maklumat dengan individu lain dan tidak menyembunyikan maklumat. Maklumat yang dikongsi mungkin berkaitan dengan komuniti mahupun peribadi. Keterbukaan menunjukkan kepercayaan timbal balik. Bermakna, keyakinan bahawa maklumat tersebut tidak akan dieksploitasi dan penerima dapat merasakan keyakinan yang sama (Hoy et al., 2006; Hoy & Tschannen-Moran, 1999). Sebagai contoh, pentadbir yang memutarbelitkan kebenaran dan menyembunyikan maklumat untuk menjadikan pendapatnya diterima ramai akan menjadikan tingkah lakunya sentiasa dicurigai oleh guru-guru. Kecurigaan memusnahkan rasa percaya. Seseorang yang tidak bersikap terbuka akan hidup dalam dunia isolasi yang dibinanya sendiri.

KONSEP KEPERCAYAAN DALAM KOMUNITI MENURUT PERSPEKTIF ISLAM

Lima elemen kepercayaan ini hakikatnya telah lama diterapkan dan dianjurkan dalam Islam. Islam merupakan agama yang mementingkan perhubungan dan silaturrahim sesama Muslim. Firman Allah yang bermaksud: "*Orang-orang yang beriman itu sesungguhnya bersaudara*" (Surah al-Hujurat 49:10). Malah Islam juga melarang umatnya untuk saling membenci seperti sabda Nabi s.a.w.:

لَا يُؤْمِنُ أَحَدُكُمْ حَتَّىٰ يُحِبَّ لِأَخِيهِ مَا يُحِبُّ لِنَفْسِهِ.

Maksudnya: "*Salah seorang di antara kalian tidaklah beriman (dengan iman sempurna) sampai ia mencintai saudaranya sebagaimana ia mencintai dirinya sendiri*" (Riwayat Bukhari: 13 dan Muslim: 45).

Oleh itu, faktor kepercayaan ini wajar dipraktikkan khususnya oleh guru-guru Muslim iaitu untuk saling menghormati antara satu sama lain dan jangan bersifat sombong. Firman Allah yang bermaksud: "*Dan janganlah memalingkan muka dari manusia (kerana sombong) dan janganlah kamu berjalan di muka bumi dengan angkuh. Sesungguhnya Allah tidak menyukai orang-orang yang sombong lagi membanggakan diri*" (Surah Luqman 31:18).

Ibnu Kathir (2003) menukilkan dalam tafsirnya "*Janganlah engkau palingkan wajahmu dari manusia, jika engkau berkomunikasi dengan mereka atau mereka berkomunikasi denganmu kerana merendahkan mereka atau kerana kesombongan. Akan tetapi, rendahkan dan maniskanlah wajahmu terhadap mereka.*" Abdul Malik Abdul Karim Amrullah (1990) juga menjelaskan bahawa ayat ini menyeru kepada akhlak yang


tinggi, berbudi pekerti, dan bersopan-santun ketika berbicara dengan yang lain. Nilai hormat adalah faktor penting dalam komuniti di sekolah kerana guru perlu untuk saling menghormati kepakaran, pendapat, dan idea ahli komuniti yang lain.

Nilai hormat dalam kalangan komuniti di sekolah pula akan membawa kepada rasa percaya dan bersangka baik antara satu sama lain. Firman Allah yang bermaksud: *“Hai orang-orang yang beriman, jauhilah kebanyakan dari prasangka, sesungguhnya sebahagian prasangka itu adalah dosa”* (Surah al-Hujurat 49:12). Islam menuntut umatnya untuk bersangka baik supaya hubungan antara manusia menjadi lebih baik dan mengelakkan daripada sangkaan buruk. Nilai percaya dan bersangka baik sangat diperlukan dalam komuniti di sekolah agar kerjasama dan kolaboratif antara guru untuk bersama-sama membuat keputusan dan mencapai matlamat, misi, dan visi sekolah lebih efektif.

Budaya kolaboratif yang efektif perlu kepada proses perubahan dari segi budaya kerja guru. Justeru, guru perlu lebih bersikap terbuka dan sentiasa positif terhadap sebarang perubahan. Dengan kata lainnya, budaya kolaboratif di sekolah menganjurkan agar guru berlapang dada dalam bekerja bersama sebagaimana saranan dalam Islam melalui firman Allah yang bermaksud: *“Maka maafkanlah mereka dan biarkanlah mereka, sesungguhnya Allah menyukai orang-orang berbuat baik”* (Surah al-Maidah 5:13). Ayat ini ditafsirkan oleh Abdul Malik Abdul Karim Amrullah (1990) agar bersifat memaafkan dan menghadapi sesuatu keburukan dengan jiwa yang besar (berlapang dada).

Sikap berlapang dada dapat membawa kebaikan dalam sesebuah komuniti. Dalam budaya kolaboratif, guru-guru disarankan untuk saling memberi maklum balas dan refleksi terhadap pengajaran rakan yang lain bagi tujuan penambahbaikan. Jelas di sini bahawa budaya kolaboratif dapat memupuk sikap berlapang dada untuk menerima teguran dan nasihat daripada rakan lain (Muhammad Faizal A Ghani et al., 2013), bersikap terbuka serta bersedia menerima perubahan. Sikap berlapang dada juga dapat menangani perbezaan pendapat antara komuniti sekolah.

Berdasarkan perbincangan di atas, tiga konsep utama kepercayaan yang perlu dipupuk dan diamalkan dalam komuniti di sekolah untuk mengukuhkan hubungan antara pentadbir, rakan sekerja, murid, dan ibu bapa diringkaskan melalui Rajah 1.0. Tiga konsep utama tersebut ialah hormat-menghormati dan jangan bersifat sombong; rasa percaya dan bersangka baik; serta bersikap terbuka dan berlapang dada.



Rajah 1.0: Konsep Kepercayaan dalam Komuniti di Sekolah

SUMBER KEPERCAYAAN

Persekitaran kerja yang mempunyai karakter cekap, boleh dipercayai, menjaga kebajikan, jujur, dan terbuka adalah amat penting dan dapat memupuk kesedaran dari segi pemikiran dan tindakan (Hoy et al., 2006). Elemen ini penting bagi memastikan sekolah dapat berfungsi dengan baik serta hubungan dalam komuniti di sekolah dapat dibentuk secara produktif (Tschannen-Moran & Hoy, 1998). Oleh itu, kepercayaan amat diperlukan untuk mendapatkan kerjasama dan komunikasi yang efektif dalam sesebuah komuniti (Hoy & Tschannen-Moran, 1999).

Dalam komuniti sekolah, kepercayaan datang daripada tiga sumber iaitu kepercayaan kepada pentadbir, rakan sekerja, dan pelanggan iaitu murid dan ibu bapa (Bryk & Schneider, 2003; Tarter et al., 1989; Tschannen-Moran, 2004; Tschannen-Moran & Hoy, 1998). Kepercayaan yang dibina antara pentadbir, guru, murid, dan ibu bapa adalah kunci kejayaan kepada penambahbaikan sekolah dan pencapaian akademik murid (Bryk & Schneider, 2003).

(a) Kepercayaan kepada pentadbir

Kepercayaan kepada pentadbir ialah yakin bahawa pentadbir sekolah akan mengotakan janjinya dan bertindak demi kepentingan guru-guru dan sekolah (Tarter et al., 1989; Tschannen-Moran & Hoy, 1998). Kepercayaan kepada pentadbir mempunyai hubungan yang signifikan dengan tingkah lakunya. Hal ini bermakna, tahap kepercayaan guru terhadap pentadbir adalah bergantung kepada tingkah laku yang ditunjukkan oleh pentadbir. Dapatan kajian menunjukkan guru-guru mempunyai rasa percaya kepada pihak pentadbir yang mempunyai tingkah laku kepimpinan yang menyokong dan positif (Hoy & Tschannen-Moran, 1999; Tarter et al., 1989; Yin & Zheng, 2018). Guru-guru tidak akan mempercayai pentadbir yang tidak kompeten dalam tugasnya (Goddard et al., 2001). Malah, tingkah laku

guru juga bergantung kepada tahap kepercayaan mereka kepada pentadbir (Tarter et al., 1989).

Kepercayaan adalah proses hubungan timbal balik (Goddard et al., 2001) dan perlu dilaksanakan secara bersama (Tschannen-Moran, 2004). Sebagai pentadbir, mereka juga perlu ada rasa kepercayaan kepada guru, murid, dan ibu bapa. Pentadbir dan guru yang saling percaya akan menghasilkan kerja yang lebih baik secara bersama untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi di sekolah. Pentadbir yang meletakkan kepercayaan kepada guru, dapat memberi inspirasi kepada guru tersebut untuk terus melipatgandakan usahanya. Selain itu, kepercayaan pentadbir kepada murid dan ibu bapa juga dapat mempengaruhi pencapaian murid di sekolah (Tschannen-Moran, 2004).

(b) Kepercayaan kepada rakan sekerja

Kepercayaan kepada rakan sekerja dalam kajian ini bermaksud keyakinan guru-guru bahawa mereka akan saling bergantung antara satu sama lain dalam menghadapi situasi yang sukar. Hubungan kepercayaan ini sangat bergantung kepada integriti dan keterbukaan rakan sekerja dalam berinteraksi, cara layanan, serta sikap yang menyokong (Tarter et al., 1989; Tschannen-Moran & Hoy, 1998). Kepercayaan yang dibina antara guru dapat membantu mereka untuk bekerjasama dan berkolaborasi secara efektif (Cranston, 2011). Guru-guru akan saling menghormati kompetensi dan kepakaran rakan sekerja yang lain (Tschannen-Moran, 2009).

Kepercayaan antara rakan sekerja juga akan membentuk satu hubungan yang selamat dan selesa. Walaupun mungkin guru-guru tidak saling mengenali, namun mereka akan tetap dapat bekerja dan belajar bersama. Persekitaran yang selamat dan selesa tersebut akan membenarkan guru-guru untuk saling berkongsi, bersoal jawab, berbincang tentang idea berkaitan pengajaran dan pembelajaran, berkolaborasi, dan berdialog reflektif (Cranston, 2011).

(c) Kepercayaan kepada pelanggan (murid dan ibu bapa)

Guru juga berperanan menjadi kunci dalam menghubungkan murid dan ibu bapa dengan sekolah. Hal ini kerana, guru-guru berinteraksi dengan murid setiap hari dan menjadi penghubung dalam komunikasi antara ibu bapa dan pihak sekolah (Goddard et al., 2001). Kepercayaan kepada pelanggan menjadi peramal terkuat dalam hubungan kolaborasi ibu bapa dengan pihak sekolah dalam aspek membuat keputusan (Hoy & Tschannen-Moran, 1999).

Guru juga perlu percaya kepada murid dan ibu bapa dalam usaha untuk mencapai matlamat sekolah. Hubungan antara guru dan murid adalah penting dalam kejayaan sesebuah pengajaran dan pembelajaran (Tschannen-Moran, 2009). Hubungan keduanya diibaratkan seperti hubungan ibu bapa dan anak yang perlu didasari dengan rasa percaya (Bryk & Schneider, 2002). Guru yang percaya bahawa muridnya adalah kompeten dan dipercayai, akan membina persekitaran pembelajaran yang membantu murid berjaya dalam akademik

(Goddard et al., 2001) serta sebagai sokongan terhadap motivasi intrinsik murid (Lee et al., 2019).

Sistem sekolah juga dibina atas kepercayaan bahawa ibu bapa mempercayai guru melakukan apa yang mereka harus lakukan di bilik darjah, dan pentadbir melakukan apa yang patut mereka lakukan di pejabat mereka (Cranston, 2011). Guru yang menerima kepercayaan daripada ibu bapa akan merasa selamat untuk mempraktikkan amalan pengajaran yang baru (Bryk & Schneider, 2003). Bahkan, ibu bapa juga turut bergantung kepada guru dan pentadbir yang efektif untuk membina persekitaran yang selamat dan membantu anak-anaknya belajar (Bryk & Schneider, 2003; Forsyth et al., 2011).

PERANAN KEPERCAYAAN DALAM MELESTARIKAN KPP

Kepercayaan kepada pentadbir, rakan sekerja, murid, dan ibu bapa berperanan menjadi faktor persekitaran yang membantu dalam penambahbaikan sekolah. Antaranya berperanan dalam membentuk budaya kerja yang efektif, mewujudkan iklim yang positif di sekolah, serta membantu dalam kerjasama, interaksi, dan komunikasi yang efektif (Bryk & Schneider, 2003; Forsyth et al., 2006; Hoy & Tschannen-Moran, 1999; Tschannen-Moran & Hoy, 1998). Persekitaran positif yang terhasil daripada kepercayaan ini pula menjadi faktor penting untuk membangunkan dan melestarikan KPP di sekolah (Lee et al., 2011; Stoll & Louis, 2007).

Dapatan kajian Gray dan Summers (2015) serta Zheng et al. (2016) mendapati kepercayaan mempunyai hubungan yang signifikan dan positif terhadap dimensi KPP (perkongsian tujuan, aktiviti kolaboratif, fokus kolektif terhadap pembelajaran murid, perkongsian amalan dan dialog reflektif). Manakala, dapatan kajian longitudinal Bryk dan Schneider (2002) turut menunjukkan kepercayaan mempunyai hubungan yang kuat dengan dimensi KPP (perkongsian norma dan nilai). Malah, kepercayaan juga menjadi pemboleh ubah mediator antara hubungan amalan kepimpinan dan KPP (Li et al., 2016; Yin & Zheng, 2018; Zheng et al., 2016).

Analisis dapatan kajian-kajian ini menunjukkan guru-guru yang saling percaya antara satu sama lain, akan sanggup untuk saling berkolaborasi, memerhati pembelajaran rakan yang lain, memberi maklum balas, dan sanggup berkongsi amalan pengajaran dengan rakan-rakan. Hal ini bermakna, apabila guru menerima rakan sekerjanya yang bersikap terbuka, menjaga kebajikan, jujur, dan boleh dipercayai, mereka akan sanggup untuk melaksanakan KPP bersama. Tanpa kepercayaan, mustahil guru-guru dapat membuat pembaharuan, berkongsi idea dan amalan pengajaran, mencuba amalan pengajaran yang baru, serta berkolaborasi dan membentuk komuniti yang menyokong pembelajaran (Goddard et al., 2001).

Oleh itu, nilai keterbukaan dan kepercayaan wajib dibina dan dipupuk dalam hubungan antara pentadbir, guru, dan komuniti untuk mendapatkan hasil KPP yang positif. Pentadbir, guru-guru, murid, dan ibu bapa berperanan bersama untuk mewujudkan persekitaran yang saling percaya, cekap, jujur, dan bersikap terbuka antara komuniti di sekolah. Kepercayaan yang wujud dalam komuniti di sekolah dapat membantu pihak sekolah

berfungsi dengan lebih produktif (Tschannen-Moran & Hoy, 1998) serta menggalakkan profesionalisme guru di sekolah (Tschannen-Moran, 2009).

KESIMPULAN

Kesimpulannya, kepercayaan yang wujud antara pentadbir, guru, murid, dan ibu bapa menjadi salah satu faktor yang menyokong perjalanan KPP di sekolah menjadi lebih efektif dan efisien. Kepercayaan menjadikan hubungan dalam komuniti sekolah lebih kuat. Hubungan yang baik dan saling percaya yang tinggi antara ahli komuniti mampu mengurangkan konflik yang wujud di sekolah (Hoy & Tschannen-Moran, 1999).

Faktor kepercayaan ini juga menjelaskan untuk menjadi individu yang mempercayai dan dipercayai beberapa elemen-elemen perlu dipatuhi iaitu saling bergantung dan menjaga kesejahteraan, prihatin dan menjaga kebajikan, cekap dan mahir, berintegriti dan tidak meletakkan kesalahan kepada orang lain, berkongsi maklumat dan tiada budaya isolasi, serta bersikap terbuka dan berlapang dada. Elemen-elemen ini akan membantu mewujudkan persekitaran sekolah yang sejahtera dan harmoni, malah seluruh komuniti menjadi yakin untuk bekerjasama demi kepentingan murid. Justeru, dalam usaha untuk melestarikan KPP di sekolah, faktor sosial dan hubungan manusia seperti kepercayaan perlu diberi perhatian (Hord, 1997; Louis & Kruse, 1995).

RUJUKAN

- Abdul Malik Abdul Karim Amrullah. (1990). *Tafsir Al-Azhar*. Pustaka Nasional Pte Ltd.
- Abu al-Fida' Isma'il 'Umar. Terj. M. Abdul Ghoffar E.M. (2003). *Tafsir Ibnu Katsir*. Pustaka Imam asy-Syafi'i.
- Bryk, A., Camburn, E., & Louis, K. S. (1999). Professional community in Chicago elementary schools: Facilitating factors and organizational consequences. *Educational Administration Quarterly*, 35(December), 751–781. <https://doi.org/10.1177/0013161x99355004>
- Bryk, A. S., & Schneider, B. (2003). Trust in schools: A core resource for school reform. *Educational Leadership*, 60(6), 40–44.
- Bryk, A., & Schneider, B. (2002). *Trust in school: A core resource for improvement*. Sage Foundation.
- Choong Yuen Onn, Jamal Nordin Yunus, Hamidah Yusof, Krishna Moorthy, & Seow Ai Na. (2018). The mediating effect of trust on the dimensionality of organisational justice and organisational citizenship behaviour amongst teachers in Malaysia. *Educational Psychology*, 38(8), 1010–1031. <https://doi.org/10.1080/01443410.2018.1426836>
- Cranston, J. (2011). Relational trust: The glue that binds a professional learning community. *Alberta Journal of Educational Research*, 57(1), 59–72.
- Dima Mazlina@Siti Aishah Abu Bakar, & Abdul Rashid Jamia. (2016). Pelaksanaan komuniti pembelajaran profesional (KPP) untuk peningkatan kemahiran guru Bahasa

- Melayu mengajar penulisan karangan. *Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*, 4(3), 1–10.
- Forsyth, P. B., Adams, C. M., & Hoy, W. K. (2011). *Collective trust. Why school can't improve without it*. Teacher College Press. <https://doi.org/10.13140/RG.2.1.2673.1684>
- Forsyth, P. B., Barnes, L. L. B., & Adams, C. M. (2006). Trust-effectiveness patterns in schools. *Journal of Educational Administration*, 44(2), 122–141. <https://doi.org/10.1108/09578230610652024>
- Goddard, R. D., Tschannen-Moran, M., & Hoy, W. K. (2001). A multilevel examination of the distribution and effects of teacher trust in students and parents in urban elementary schools. *Elementary School Journal*, 102(1), 3–17. <https://doi.org/10.1086/499690>
- Gray, J. A., & Summers, R. (2015). International professional learning communities: The role of enabling school structures, trust, and collective efficacy. *International Education Journal: Comparative Perspectives*, 14(3), 61–75.
- Gray, J., Kruse, S., & Tarter, C. J. (2016). Enabling school structures, collegial trust and academic emphasis: Antecedents of professional learning communities. *Educational Management Administration and Leadership*, 44(6), 875–891. <https://doi.org/10.1177/1741143215574505>
- Hipp, K. K., Huffman, J. B., Pankake, A. M., & Olivier, D. F. (2008). Sustaining professional learning communities: Case studies. *Journal of Educational Change*, 9(2), 173–195. <https://doi.org/10.1007/s10833-007-9060-8>
- Hord, S. M. (1997). Professional learning communities: communities of continuous inquiry and improvement. *Leadership*, 40(1), 58–59. <https://doi.org/10.1177/1365480210376487>
- Hoy, W. K., Gage, C. Q., & Tarter, C. J. (2006). School mindfulness and faculty trust: Necessary conditions for each other? *Educational Administration Quarterly*, 42(2), 236–255. <https://doi.org/10.1177/0013161X04273844>
- Hoy, W. K., & Tschannen-Moran, M. (1999). Five faces of trust: An empirical confirmation in urban elementary schools. *Journal of School Leadership*, 9(3), 184–208. <https://doi.org/10.1177/105268469900900301>
- Hoy, W. K., & Tschannen-Moran, M. (2003). The conceptualization and measurement of faculty trust in schools: The omnibus T-scale. In W. K. Hoy & C. G. Miskel (Eds.), *Studies in Leading and Organizing Schools* (pp. 181–208). Age Publishing.
- Jumadi Musa, Mohamad Nizam Nazarudin, Zakiah Noordin, Nur Afny Juati, & Hujaimah @ Siti Syafiqah Juhumin. (2020). Investigating Instructional Leadership, Transformational Leadership, Self-Efficacy and Trust Among Primary School Teacher. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 5(35), 237–248. <https://doi.org/10.35631/ijepc.5350021>
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2013). *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 (Pendidikan Prasekolah hingga Lepas Menengah)*.
- Lee, J. C. K., Wan, Z. H., Hui, S. K. F., & Ko, P. Y. (2019). More student trust, more self-regulation strategy? Exploring the effects of self-regulatory climate on self-regulated

- learning. *Journal of Educational Research*, 1–11. <https://doi.org/10.1080/00220671.2018.1553840>
- Lee, J. C. K., Zhang, Z., & Yin, H. (2011). A multilevel analysis of the impact of a professional learning community, faculty trust in colleagues and collective efficacy on teacher commitment to students. *Teaching and Teacher Education*, 27(5), 820–830. <https://doi.org/10.1016/j.tate.2011.01.006>
- Li, L., Hallinger, P., & Walker, A. (2016). Exploring the mediating effects of trust on principal leadership and teacher professional learning in Hong Kong primary schools. *Educational Management Administration and Leadership*, 44(1), 20–42. <https://doi.org/10.1177/1741143214558577>
- Ling Ying Leh. (2016). *Pengaruh Persekitaran Maklum Balas, Kepercayaan Terhadap Pemimpin dan Komunikasi Bimbingan Terhadap Efikasi Kendiri Pengajaran di Politeknik Malaysia*. (Tesis Doktor Falsafah yang tidak diterbitkan). Universiti Sains Malaysia.
- Lomos, C., Hofman, R. H., & Bosker, R. J. (2011). Professional communities and student achievement - a meta-analysis. *School Effectiveness and School Improvement*, 22(2), 121–148. <https://doi.org/10.1080/09243453.2010.550467>
- Louis, K. S., & Kruse, S. D. (1995). *Professionalism and community: Perspectives on reforming urban schools*. Thousand Oaks, CA:Corwin Press.
- Muhammad Faizal A Ghani, Norfariza Mohd Radzi, Husaini Banu Kenayathulla, Saedah Siraj, Gary c. Crow, & Faisol Elham. (2013). Komuniti pembelajaran profesional menurut perspektif Islam. *Jurnal Hadhari*, 5(2), 27–52. <https://doi.org/10.1017/CBO9781107415324.004>
- Salleh Hairon, Goh, J. W. P., Chua, C. S. K., & Wang, L. Y. (2015). A research agenda for professional learning communities: moving forward. *Professional Development in Education*, 43(1), 72–86. <https://doi.org/10.1080/19415257.2015.1055861>
- Stoll, L., & Louis, K. S. (2007). *Professional learning communities: Divergence, depth and dilemmas* (I. Goodson & A. Hargreaves (eds.)). Open University Press.
- Sujirah Ibrahim, & Zuraidah Abdullah. (2014). Sokongan pengetua dalam amalan komuniti pembelajaran profesional sebuah sekolah di Johor Malaysia. *Jurnal Peradaban*, 7, 1–39. <https://ejournal.um.edu.my>
- Tarter, C. J., Bliss, J. R., & Hoy, W. K. (1989). School characteristics and faculty trust in secondary school. *Educational Administration Quarterly*, 25(3), 294–308. <https://doi.org/10.1177/07399863870092005>
- Thoonen, E. E. J., Slegers, P. J. C., Oort, F. J., Peetsma, T. T. D., & Geijsel, F. P. (2011). How to improve teaching practices: The role of teacher motivation, organizational factors, and leadership practices. *Educational Administration Quarterly*, 47(3), 496–536. <https://doi.org/10.1177/0013161X11400185>
- Tschannen-Moran, M. (2009). Fostering teacher professionalism in schools. *Educational Administration Quarterly*, 45(2), 217–247. <https://doi.org/10.1177/0013161x08330501>
- Tschannen-Moran, M. (2004). What's trust got to do with it? The role of faculty and principal

- trust in fostering student achievement. In D. C. Thompson & F. E. Crampton (Eds.), *UCEA Conference Proceedings for Convention 2004*. <https://www.researchgate.net/publication/267851381>
- Tschannen-Moran, M., & Hoy, W. (1998). Trust in schools: A conceptual and empirical analysis. *Journal of Educational Administration*, 36(4), 334–352. <https://doi.org/10.1108/09578239810211518>
- Vanblaere, B., & Devos, G. (2016). Relating school leadership to perceived professional learning community characteristics: A multilevel analysis. *Teaching and Teacher Education*, 57, 26–38. <https://doi.org/10.1016/j.tate.2016.03.003>
- Vescio, V., Ross, D., & Adams, A. (2008). A review of research on the impact of professional learning communities on teaching practice and student learning. *Teaching and Teacher Education*, 24(1), 80–91. <https://doi.org/10.1016/j.tate.2007.01.004>
- Voelkel, R. H., & Chrispeels, J. H. (2017). Understanding the link between professional learning communities and teacher collective efficacy. *School Effectiveness and School Improvement*, 28(4), 505–526. <https://doi.org/10.1080/09243453.2017.1299015>
- Wahlstrom, K. L., & Louis, K. S. (2008). How teachers experience principal leadership: The roles of professional community, trust, efficacy, and shared responsibility. *Educational Administration Quarterly*, 44(4), 458–495. <https://doi.org/10.1177/0013161X08321502>
- Wan Noor Adzmin Mohd Sabri, & Suria Baba. (2017). Amalan kepimpinan kolaboratif dalam kalangan pemimpin instruksional di sekolah rendah. *Jurnal Kepimpinan Pendidikan*, 4(3), 1–19. http://umrefjournal.um.edu.my/filebank/published_article/6255/Template 4.pdf
- Yin, H. B., Lee, J. C. K., Jin, Y. Le, & Zhang, Z. H. (2013). The effect of trust on teacher empowerment: The mediation of teacher efficacy. *Educational Studies*, 39(1), 13–28. <https://doi.org/10.1080/03055698.2012.666339>
- Yin, H., & Zheng, X. (2018). Facilitating professional learning communities in China: Do leadership practices and faculty trust matter? *Teaching and Teacher Education*, 76, 140–150. <https://doi.org/10.1016/j.tate.2018.09.002>
- Zheng, X., Yin, H., Liu, Y., & Ke, Z. (2016). Effects of leadership practices on professional learning communities: The mediating role of trust in colleagues. *Asia Pacific Education Review*, 17(3), 521–532. <https://doi.org/10.1007/s12564-016-9438-5>